

**Perwatakan Berdedikasi Dalam Cerita Rakyat di Kota Bharu: Satu
Penelitian Kemasyarakatan**
Dedicated Characterization in Folktales of Kota Bharu: A Community Study

¹Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan
sitinurulsuhadahadnan@gmail.com

²Mohd Firdaus Che Yaacob
firdaus.cy@umk.edu.my

^{1, 2} *Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan,
Universiti Malaysia Kelantan*

Tuan Rusmawati Raja Hassan
rusmawati.rh@umk.edu.my

*Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan,
Universiti Malaysia Kelantan*

Received: 12 April 2024; Published: 30 June 2024

Cite this article (APA) as:

Tuan Adnan, T. S. N. S., Yaacob, M. F., & Raja Hassan, T. R. (2024). Perwatakan Berdedikasi Dalam Cerita Rakyat di Kota Bharu: Satu Penelitian Kemasyarakatan. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 12(1), 1 - 7. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/186>

ABSTRAK

Cerita rakyat merupakan satu bentuk komunikasi lisan yang dilakukan oleh nenek moyang Melayu bagi menyampaikan amanat atau nasihat. Mereka menyampaikan cerita rakyat bagi mendidik anggota masyarakat agar sentiasa menjaga adat resam serta pantang-larang yang diamalkan. Namun, cerita rakyat kini dianggap tidak relevan untuk disampaikan kepada anak-anak muda kerana kepesatan teknologi yang ada pada hari ini. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan menganalisis perwatakan dedikasi dalam cerita rakyat di daerah Kota Bharu, Kelantan. Kajian ini membataskan dua buah cerita rakyat yang bertajuk *Panglima Perang* dan *Kerabat Diraja Memuja Pantai*. Kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif iaitu berdasarkan kaedah kepustakaan dan lapangan. Kajian ini turut menggunakan teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan kemasyarakatan sebagai deduktif kajian. Hasilnya, kajian ini mendapati bahawa cerita rakyat Melayu mampu menyerlahkan keperibadian dedikasi dalam kalangan masyarakat setempat.

Kata Kunci: Perwatakan, Dedikasi, Cerita Rakyat, Kemasyarakatan, Kota Bharu

ABSTRACT

Folktales are a form of oral communication used by the Malay ancestors to convey messages or advice. They told folktales to educate members of the community to always uphold customs and taboos practiced. However, nowadays, folktales are considered irrelevant to be conveyed to the younger generation due to the rapid advancement of technology. Therefore, this study was conducted to identify and analyze the portrayal of dedication in folktales in the Kota Bharu district, Kelantan. This study focuses on two folktales titled 'Panglima Perang' and 'Kerabat Diraja Memuja Pantai'. This study uses a qualitative design based on library and field methods. The study also employs the theory of Pengkaedahan Melayu through a community approach as a deductive study. As a result, this study found that Malay folktales can highlight the character of dedication within the local community.

Keywords: Characterization, Dedication, Folktales, Community, Kota Bharu

PENGENALAN

Cerita rakyat merupakan satu komunikasi yang dilakukan oleh nenek moyang masyarakat Melayu bagi menyampaikan amanat atau nasihat. Cerita rakyat digubah oleh penglipur lara bagi menasihati anggota masyarakat secara berhemah (Low Kok On, 2014). Hal ini kerana penglipur lara berusaha untuk menjaga aib anggota masyarakat yang melanggar adat. Oleh itu, penglipur lara berinisiatif menegur kesalahan tersebut melalui penyampaian cerita. Secara tidak langsung, anggota masyarakat yang membuat kesalahan atau melanggar adat mampu memperbaiki diri mereka ke arah yang lebih baik. Pernyataan ini disokong oleh Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2015) yang mentakrifkan cerita rakyat sebagai warisan kesusasteraan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu. Cerita rakyat disampaikan bagi memperbetulkan kesilapan yang dilakukan oleh anggota masyarakat. Oleh itu, penglipur lara memainkan peranan penting dalam mendidik perlakuan masyarakat setempat. Rentetan itu, cerita rakyat mampu mendidik masyarakat setempat tentang perlakuan yang baik selain mengekalkannya kepada generasi muda.

Berdedikasi merupakan satu sikap pengabdian diri oleh seseorang individu kepada organisasi atau sekelompok masyarakat. Sikap dedikasi ini akan mengabdikan diri mereka tidak kira sama ada melalui perbuatan, waktu, atau kerjaya (Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021). Individu itu sanggup mengabdikan diri mereka demi mencapai matlamat atau kerjaya. Oleh itu, individu tersebut akan berusaha secara maksimum bagi mendapatkan matlamat yang diinginkan. Hal ini bagi mendapatkan satu bentuk kepuasan terhadap usaha yang dilakukan bagi mencapai matlamat tersebut. Pernyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) yang mendefinisikan dedikasi ialah satu bentuk usaha yang dilakukan secara berterusan demi mencapai kejayaan yang cemerlang. Dedikasi dilihat sebagai satu usaha dilakukan oleh seseorang individu dengan mengorbankan masa dan tenaga demi mencapai hajat yang diinginkan. Justeru itu, cerita rakyat yang memiliki nilai dedikasi mampu mendidik golongan muda untuk berusaha dalam mencapai sesuatu matlamat.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Melalui penelitian awal, pengkaji mendapati terdapat beberapa sorotan yang mengkaji tentang cerita rakyat di Malaysia khususnya. Antaranya ialah *Kearifan Tempatan Orang Melayu: Refleksi Melalui Hikayat Pelandok Jenaka* oleh Sakinah Abu Bakar (2016). Kajian ini mendefinisikan cerita rakyat sebagai satu khazanah warisan masyarakat Melayu dalam menasihati antara satu sama lain. Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan membincangkan kearifan Melayu dalam *Hikayat Pelandok Jenaka*. *Hikayat Pelandok Jenaka* dijadikan sebagai bahan utama untuk meneliti aspek kearifan masyarakat Melayu. Oleh itu, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu berdasarkan kaedah kepustakaan dan analisis teks bagi mendapatkan data yang fleksibel dengan objektif. Hasilnya, kajian ini mendapati cerita jenaka mampu mengasah pemikiran rasional dalam kalangan masyarakat Melayu.

Seterusnya, kajian yang bertajuk *Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan* oleh Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintan & Nor Asiah Muhamad (2017). Cerita rakyat merupakan satu asas pembentukan sahsiah sendiri yang diterapkan oleh nenek moyang melalui penyampaian cerita secara lisan. Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan menganalisis pembelajaran asas literasi yang terkandung dalam cerita rakyat orang asal Sabah. Oleh itu, kajian ini membataskan sebanyak lapan buah cerita rakyat yang diperolehi di Sabah iaitu *Asal Usul Padi, Dongeng Kinabalu, Ikan dan Tupai, Si Anak-anak dan Kinomulok, Tikus dan Kunder, Adat resam dan pantang larang, Nilai tradisi masyarakat serta Bahasa ibunda*. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu berlandaskan kaedah kepustakaan dan lapangan bagi mendapatkan analisis yang jelas. Hasilnya, kajian ini mendapati cerita rakyat yang merangkumi adat, kepercayaan serta nilai luhur mampu mendidik keperibadian kanak-kanak khususnya di peringkat sekolah.

Selain itu, Jai Kemalok & Maryati Mohamed (2020) dalam kajian yang bertajuk *Peranan Mitos dalam Masyarakat Orang Asli Kampung Peta, Endau, Mersing, Johor*. Cerita rakyat merupakan satu inti pati yang memberi manfaat kepada pendengarnya kerana meliputi adat serta kebudayaan

masyarakat Melayu. Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan menganalisis peranan cerita mitos terhadap masyarakat Orang Asli Kampung Peta, Endau, Mersing, Johor. Kajian ini hanya meneliti 101 buah cerita mitos yang dikumpulkan di Kampung Peta, Endau, Mersing, Johor. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu berdasarkan kaedah kepustakaan dan lapangan bagi memperoleh data yang sahih. Hasilnya, kajian ini mendapati cerita rakyat berunsurkan mitos mampu mendidik serta mengekalkan kepercayaan adat resam dalam kalangan masyarakat setempat.

Di samping itu, kajian yang bertajuk *Penemuan Nilai-Nilai Islam dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Cerita rakyat merupakan komunikasi lisan yang digunakan oleh nenek moyang Melayu untuk menegur kesilapan anggota masyarakatnya. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu. Kajian ini membataskan untuk meneliti nilai-nilai Islam melalui buku yang bertajuk *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Oleh itu, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu berdasarkan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini turut mengaplikasikan teori takmilah sebagai deduktif yang mampan. Hasilnya, kajian ini mendapati nilai-nilai Islam yang terkandung dalam cerita rakyat mampu memberi fahaman tentang keagungan Allah SWT terhadap masyarakat setempat.

Sebagai kesimpulannya, kajian-kajian lepas dilihat menekankan beberapa aspek dalam cerita rakyat seperti nilai-nilai Islam, kearifan tempatan dan medium pembelajaran kanak-kanak. Walau bagaimanapun, kajian-kajian lepas dilihat masih memiliki kelompangan dari aspek dedikasi dalam cerita rakyat Melayu. Hal ini disebabkan oleh para sarjana hanya mengkaji cerita rakyat daripada perspektif umum sahaja. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji secara terperinci tentang aspek dedikasi dalam cerita rakyat Melayu. Justeru itu, cerita rakyat Melayu mampu dihayati serta dikekalkan warisannya dalam kalangan generasi muda.

PENYATAAN MASALAH

Berdasarkan sorotan kajian di atas, pengkaji melihat para sarjana kurang mengetengahkan elemen dedikasi dalam pengkajian mereka. Antara sarjana yang mengkaji cerita rakyat Melayu ialah Sakinah Abu Bakar (2016), Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintan & Nor Asiah Muhamad (2017), Jai Kemalok & Maryati Mohamed (2020) dan Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Hal ini dibuktikan melalui pengkajian para sarjana yang menekankan aspek nilai Islam, kearifan tempatan dan pembelajaran kanak-kanak berbanding aspek dedikasi menerusi perwatakan watak cerita rakyat. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi memartabatkan aspek perwatakan dedikasi dalam cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan. Hal ini bagi membolehkan pengkaji mengisi kelompangan daripada pengkajian terdahulu. Rentetan itu, kajian ini turut mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan kemasyarakatan oleh Hashim Awang (1989). Teori ini digunakan sebagai alat pengukuhan kepada data yang diperoleh di Kota Bharu, Kelantan. Sebagai kesimpulannya, kajian ini dilihat mampu memartabatkan khazanah warisan masyarakat Melayu seperti cerita rakyat ke peringkat antarabangsa.

METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji menggunakan reka bentuk kualitatif sebagai kaedah yang mampan bagi memperoleh maklumat secara terperinci. Reka bentuk kualitatif terbahagi kepada dua kaedah iaitu, kepustakaan dan lapangan. Kaedah kepustakaan ialah kaedah yang meliputi rujukan ilmiah iaitu buku-buku, jurnal-jurnal, tesis dan kamus bagi mendapatkan penjelasan secara menyeluruh. Bahan-bahan ini dirujuk dari Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan, Perpustakaan Awam Negeri Kelantan, Arkib Negeri Kelantan, Kelantan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Selain itu, kaedah lapangan digunakan pengkaji bagi mendapatkan maklumat yang jelas dan terperinci. Pengkaji menggunakan kerangka *folklore* oleh Dundes (1965) yang terbahagi kepada tiga peringkat iaitu, pengenalpastian, pengumpulan data dan menganalisis data. Pada peringkat pengenalpastian, pengkaji menemui penghulu mukim bagi mendapatkan maklumat tentang penglipur lara. Rentetan itu, penghulu mukim mencadangkan agar menemui Encik Long Mohamad Razali

Mohamad Nom sebagai penglipur lara di Kota Bharu, Kelantan. Tujuannya agar pengkaji mampu menyelidiki latar belakang penglipur lara bagi menjamin kualiti data yang diperolehi.

Di samping itu, pengkaji turut melaksanakan peringkat pengumpulan data. Pengkaji mendapatkan kerjasama penglipur lara dengan berbincang tarikh dan masa yang bersesuaian untuk melaksanakan proses temu bual dan rakaman. Hal ini menyebabkan proses rakaman dan temu bual dapat dijalankan secara bersistematik. Pengkaji telah memperolehi cerita rakyat di Kampung Lundang, Kota Bharu, Kelantan menerusi Encik Long Mohamad Razali Mohamad Nom. Pengumpulan data ini dijalankan pada tarikh 6 September 2020 tepat jam 10 pagi selama satu jam setengah. Proses temu bual ini dijalankan seramai tiga orang pengkaji bagi mendapatkan maklumat yang terperinci.

Pada peringkat menganalisis maklumat, pengkaji telah menganalisis perwatakan dedikasi dalam cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan. Perwatakan dedikasi dalam cerita rakyat akan dianalisis secara terperinci berdasarkan pendapat para sarjana. Kajian ini turut menjelaskan mengenai teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan kemasyarakatan oleh Hashim Awang (1989). Pendekatan kemasyarakatan mampu memperincikan perwatakan dedikasi dalam cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan. Antara cerita rakyat yang dipilih oleh pengkaji adalah *Panglima Perang* dan *Kerabat Diraja Memuja Pantai*. Aspek metodologi ini penting bagi mendapatkan maklumat yang tepat dengan objektif kajian. Oleh itu, pengkaji mampu menonjolkan perwatakan dedikasi dalam cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan bagi menerajui bidang pendidikan negara.

TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

Kajian ini telah mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu yang dikemukakan oleh Hashim Awang (1989). Teori ini berlandaskan aspek kehidupan manusia merangkumi kepercayaan dan kebudayaan agar mampu melahirkan karya sendiri. A. Halim Ali (2015, 2018) menyebutkan, Hashim Awang turut kembali ke dasar masyarakat dengan menyingkap aspek keindahan, kehalusan, ketinggian daya cipta masyarakat Melayu yang sangat tinggi kekreatifannya dalam menghasilkan sesuatu hasil seni. Melalui pendekatan kemasyarakatan memperlihatkan pengkarya mencari kesejahteraan hidup dalam bermasyarakat. Hal ini diselaraskan dengan pengukuhan keimanan dan ketakwaan seseorang individu dalam membentuk ummah. Aspek ini mampu didapati dalam sastera Melayu yang berfungsi membawa perutusan besar untuk mensejahterakan dan membahagiakan manusia. Secara tidak langsung pendekatan ini dianggap sebagai ‘sastera untuk masyarakat daripada perspektif islam’ (Hashim Awang, 2002). Aspek ini menekankan sistem yang adil dalam kehidupan bermasyarakat. Pendekatan kemasyarakatan berupaya memberi pendedahan terhadap permasalahan yang berlaku dan mencari penyelesaian berdasarkan syariah, ibadat, moral, ekonomi, sosial, dan politik daripada aspek Islam.

PERWATAKAN DEDIKASI DALAM CERITA RAKYAT DI KOTA BHARU, KELANTAN

Pada bahagian dapatan, kajian ini menganalisis tentang perwatakan dedikasi cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan. Antara perwatakan dedikasi yang dianalisis adalah keupayaan bertindak sendiri dan keyakinan diri. Perwatakan dedikasi merupakan satu perbuatan yang mengabdikan diri kepada sesuatu perkara demi manfaat semua pihak. Perwatakan dedikasi ini sering ditonjolkan oleh pemimpin yang mengetuai sekelompok masyarakat (Low Kok On, 2014). Hal ini kerana anggota masyarakat memiliki harapan yang besar terhadap pemimpin mereka. Perasaan ini didorong oleh perasaan yang kuat untuk melihat kemajuan serta keadilan ditegakkan dalam komuniti tersebut. Oleh itu, mereka akan bertindak agresif demi mencapai matlamat utama kehidupan. Pernyataan ini disokong oleh Jai Kemalok & Maryati Mohamed (2020) yang mentakrifkan perwatakan dedikasi ialah satu bentuk bimbingan yang merangsang seseorang individu untuk bertindak secara wajar. Hal ini bagi mendidik keyakinan yang tinggi dalam diri seseorang sebelum mengambil sesuatu tindakan. Rentetan itu, keyakinan yang tinggi mampu mendidik seseorang untuk lebih matang dalam berfikir.

Perwatakan Dedikasi Melalui Keupayaan Bertindak Sendiri

Keupayaan bertindak sendiri merupakan satu bentuk tindakan yang dilakukan tanpa bantuan mana-mana pihak. Tindakan ini dilakukan apabila seseorang itu membuat pertimbangan yang wajar (Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintan & Nor Asiah Muhamad, 2017). Hal ini kerana setiap tindakan yang diambil akan memberi impak yang besar. Seseorang yang ingin bertindak sendiri perlu yakin dan bersedia dengan risiko yang akan diterima. Oleh itu, seseorang individu perlu menanggung impak atas setiap tindakan yang diambil. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) yang mendefinisikan keupayaan bertindak sendiri ialah satu kemampuan yang dimiliki oleh seseorang untuk mengurus diri sendiri atau komunitinya. Individu ini sanggup menanggung segala risiko demi mencapai matlamat utama hidupnya. Oleh itu, individu ini dianggap sebagai manusia yang matang dalam berfikir. Hal ini kerana dia mampu berfikir secara rasional untuk menyelesaikan permasalahan sendiri. Keupayaan bertindak sendiri mampu dilihat dalam tajuk cerita Panglima Perang. Sikap ini mampu diperincikan dalam petikan di bawah:

Oleh itu, Long Ghaafar sebagai pembesar Mangkubumi telah meminta pertolongan daripada Tuan Lebar. Hal ini kerana Tuan Lebar merupakan anak kepada Tuan Kumis, iaitu bekas pembesar Diraja Kelantan sewaktu masa dahulu.

(Long Mohammad Razali Mohamad Nom, 2020)

Melalui petikan di atas, keupayaan bertindak sendiri mampu dilihat pada perwatakan watak Long Ghaafar. Hal ini disebabkan oleh Long Ghaafar mencari alternatif sendiri iaitu dengan meminta pertolongan Tuan Lebar. Tindakan Long Ghaafar didorong rasa tidak puas hati dengan pemerintahan Tunku Muhammad. Hal ini disebabkan oleh pemerintahan yang zalim dan menindas rakyat jelata membuatkan semua pembesar negeri tidak berpuas hati. Inisiatif Long Ghaafar ini telah membuatkan hasil apabila berjaya mendapat pertolongan Tuan Lebar. Oleh itu, mereka berdua telah bertindak membunuh Tunku Muhammad bagi menamatkan pemerintahan yang zalim di negeri tersebut. Selain itu, tajuk cerita *Kerabat Diraja Memuja Pantai* juga memperincikan tentang keupayaan bertindak sendiri. Sikap ini dijelaskan seperti petikan di bawah:

Sedang asyik mencari kelibat itu, Tengku Mahmud memandang susuk tubuh perempuan di celah-celah batu besar. Tengku Mahmud segera mendekati dan menyapa perempuan itu. Perempuan itu dikenali sebagai Cempaka.

(Long Mohammad Razali Mohamad Nom, 2020)

Berdasarkan petikan di atas, keupayaan bertindak sendiri mampu dilihat pada perwatakan Tengku Mahmud. Tengku Mahmud adalah tengku mahkota yang bertanggungjawab untuk menakhlik negeri Kubang Labu. Namun, Tengku Mahmud merasa hairan apabila mendapati seorang perempuan berada di pulau bersendirian. Oleh itu, Tengku Mahmud mengarahkan anak-anak kapal untuk singgah di pulau itu. Kemudian, Tengku Mahmud berusaha mencari kelibat perempuan itu seorang diri tanpa bantuan anak-anak kapal. Hal ini disebabkan oleh anak-anak kapal tidak melihat kelibat perempuan seperti dimaklumkan Tengku Mahmud.

Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan kemasyarakatan oleh Hashim Awang (2002). Pendekatan kemasyarakatan ini memperlihatkan penglipur lara berusaha untuk menghubungkan tindakan watak cerita dengan keadaan yang harmoni. Hal ini dibuktikan melalui tindakan watak yang berusaha dengan kudrat sendiri bagi memastikan anggota masyarakat dapat hidup secara harmoni. Watak cerita rakyat di atas berusaha secara maksimum untuk mewujudkan anggota masyarakat yang sejahtera.

Perwatakan Dedikasi Melalui Keyakinan Diri

Keyakinan diri adalah satu bentuk kepercayaan tinggi terhadap kebolehan atau kemampuan diri sendiri. Hal ini kerana seseorang individu itu percaya dengan kemampuan yang ada pada dirinya (Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan, 2015). Oleh itu, individu tersebut akan bertindak sesuai dengan kepercayaan yang dimiliki dirinya itu. Keyakinan yang tinggi membuatkan individu tersebut sanggup menghadapi pelbagai rintangan demi merealisasikan impiannya. Kenyataan ini disokong oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) yang menyifatkan keyakinan diri ialah satu bentuk psikologi yang didorong dengan pertimbangan yang rasional. Melalui pemikiran yang wajar, seseorang itu yakin dengan setiap tindakan yang akan dilakukan walaupun memiliki risiko tertentu. Hal ini kerana individu tersebut telah menetapkan matlamat serta keyakinan yang teguh sebelum sesuatu tindakan dilaksanakan. Keyakinan diri mampu dilihat pada tajuk cerita *Panglima Perang*. Sikap keyakinan diri mampu dilihat dalam petikan di bawah:

Perkara itu mendatangkan rasa marah Tuan Lebar terhadap perbuatan Tunku Muhammad yang dianggap menderhaka terhadap pesanan Almarhum Raja Long Yunus Sulaiman. Lalu, mereka berdua telah merancang strategi untuk membunuh Tunku Muhammad ketika baginda bersiram di istana.

(Long Mohammad Razali Mohamad Nom, 2020)

Menerusi petikan di atas, keyakinan diri mampu dilihat pada perwatakan watak Tuan Lebar dan Long Ghaafar. Hal ini disebabkan oleh pemerintahan Tunku Muhammad yang zalim terhadap rakyat jelata. Baginda juga telah menafikan hak pemilikan tahta negeri iaitu Tengku Long Mohamad. Oleh itu, berbekalkan keyakinan yang teguh, kedua watak ini telah mengatur strategi untuk mendapatkan keadilan kepada Tengku Long Mohamad. Tuan Lebar dan Long Ghaafar telah menyerang Tunku Muhammad ketika baginda bersiram di istana. Strategi itu membuahkan hasil apabila mereka berjaya membunuh Tunku Muhammad dan mengembalikan tahta negeri kepada Tengku Long Mohamad. Di samping itu, keyakinan diri mampu diperincikan dalam tajuk cerita *Kerabat Diraja Memuja Pantai*. Sikap ini dijelaskan seperti dalam petikan di bawah:

Laksamana Bayu yang melihat keadaan Tengku Mahmud bercakap sendirian itu membuatkan dirinya pelik. Tambahan pula Tengku Mahmud meminta agar mereka pulang ke Negeri Kilatan kerana tidak menginginkan perempuan untuk sama-sama berperang di Kubang Labu. Padahal tiada kelibat perempuan yang dilihat oleh Laksamana Bayu namun tetap dituruti perintah Tengku Mahmud itu.

(Long Mohammad Razali Mohamad Nom, 2020)

Berdasarkan petikan di atas, keyakinan diri mampu dilihat pada perwatakan Laksamana Bayu. Hal ini kerana keadaan Tengku Mahmud yang seakan-akan kurang siuman apabila berusaha menyakinkan anak-anak kapal tentang kelibat seorang perempuan. Namun, Laksamana Bayu merasakan ada sesuatu yang tidak kena dengan keadaan Tengku Mahmud. Oleh itu, Laksamana Bayu memaklumkan kepada raja Kilatan tentang keadaan sebenar Tengku Mahmud. Kesannya, Tengku Mahmud berjaya pulih daripada diganggu oleh makhluk halus ketika mereka singgah di pulau itu. Keyakinan yang ada pada Laksamana Bayu seharusnya dipuji kerana mampu menyelamatkan nyawa tengku mahkota pada katika itu.

Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan kemasyarakatan oleh Hashim Awang (2002). Pendekatan kemasyarakatan menekankan hubungan yang sejahtera sesama anggotanya. Pendekatan ini mementingkan suatu sistem yang adil kepada semua pihak. Hal ini jelas dibuktikan melalui cerita rakyat yang disampaikan apabila wataknya berusaha secara gigih untuk mendapatkan keadilan anggota komunitinya. Tindakan watak disusuli dengan satu keyakinan yang tinggi bagi memastikan kehidupan sejahtera.

Secara kesimpulannya, kajian ini mendapati terdapat perwatakan dedikasi yang diterapkan dalam cerita rakyat Melayu di Kota Bharu, Kelantan. Perwatakan dedikasi dalam cerita rakyat mencerminkan kewibawaan dan semangat muafakat yang tinggi bagi mengekalkan kehidupan yang harmoni dalam masyarakat. Secara tidak langsung, perwatakan dedikasi sebegini telah mengajar masyarakat setempat untuk lebih berdikari dan berfikir secara kritis dalam menyelesaikan masalah. Rentetan itu, perwatakan dedikasi ini memperlihatkan pembentukan akhlak serta pemikiran intelektual dalam masyarakat demi menyelesaikan permasalahan secara dinamik dan fleksibel.

RUMUSAN

Sebagai penutup kata, kajian ini telah menekankan perwatakan dedikasi dalam cerita rakyat Melayu di Kota Bharu, Kelantan. Hal ini disebabkan oleh bentuk penyampaian cerita rakyat memperincikan tentang akhlak mulia yang seharusnya diamalkan oleh masyarakat pada hari ini. Pendedahan konsep dedikasi ini mampu menyerlahkan perwatakan kepimpinan dalam diri masyarakatnya. Secara tidak langsung, konsep dedikasi ini mencerminkan masyarakat Melayu berani dalam memikul tanggungjawab dalam komuniti. Oleh itu, cerita rakyat yang memiliki inti pati dedikasi perlu dididik dan dihayati oleh golongan remaja agar mampu memimpin negara secara berwibawa pada masa akan datang.

PENGHARGAAN

Makalah/artikal ini disokong oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Fasa 1/2019 (R/FRGS/A0200/01728A/002/2019/00714) Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Malaysia Kelantan.

RUJUKAN

- A. Halim Ali (2018) *Inti Sari Teori Sastera: Malaysia dan Barat*. Shah Alam: NHA Excell Resources.
- A. Halim Ali (2015) *Wacana Teori dan Kritikan Sastera*. Shah Alam: NHA Excell Resources.
- Hashim Awang. (2002). Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya. *Seminar Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu*. Riviera Bay Resort, 20-23 Jun.
- Jai Kemalok & Maryati Mohamed. (2020). Peranan Mitos dalam Masyarakat Orang Asli Kampung Peta, Endau, Mersing, Johor. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 8(1), 75-82.
- Long Mohammad Razali Mohamad Nom. (2020). Panglima Perang. Kampung Lundang. Temu Bual, 6 September.
- Long Mohammad Razali Mohamad Nom. (2020). Kerabat Diraja Memuja Pantai. Kampung Lundang. Temu Bual, 6 September.
- Low Kok On. (2014). Superioriti Rakyat dalam Lelucon Cerita Abu Nawas Asal dan Cerita Abu Nawas Versi Sabah. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 7, 152-171.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Akal Budi dalam Cerita Rakyat di Tumpat, Kelantan: Satu Penelitian Terhadap Pengkaedahan Alamiah. *Jurnal Melayu*. 20(1), 129-144.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintan & Nor Asiah Muhamad. (2017). Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 5(4), 26-30.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya Dan Khalayak. *Jurnal Melayu*. 20(1), 79-92.
- Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2015). Hikayat Awang Sulung Merah Muda Dari Perspektif Pendekatan Pengurusan. *Jurnal Pengajian Melayu*. 26, 95-116.
- Sakinah Abu Bakar. (2016). Kearifan Tempatan Orang Melayu: Refleksi Melalui Hikayat Pelandok Jenaka. *Malay Literature*. 29(1), 22-41.